

25 SEP 1996

Universiti

INSTITUT TEKNOLOGI MASSACHUSETTS BANTU TUBUH UNIVERSITI DI M'SIA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

BOSTON, 25 Sept (Bernama) -- Sebuah universiti swasta yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R & D) dalam bidang sains dan teknologi dirancang untuk ditubuhkan di Malaysia dengan bantuan pusat pengajian kejuruteraan terkemuka dunia, Institut Teknologi Massachusetts (MIT).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat MIT di sini pada hari Selasa diberi penerangann mengenai rancangan itu dan menyokong dayausaha pihak swasta itu.

Usahawan dari Sarawak Datuk Effendi Norwawi, yang antara lain merupakan ketua eksekutif Syarikat Encorp, dan Pengerusi Sapura Holdings Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, merupakan penggerak utama projek pendidikan penuh berwawasan itu yang dijadual dilancarkan tahun depan.

Effendi, yang mengiringi Dr Mahathir dalam lawatannya ke MIT, memberitahu wartawan bahawa kerajaan Selangor telah bersetuju pada dasarnya untuk memberikan tapak bagi penubuhan universiti itu.

MIT pula bersetuju membantu dalam perancangan dan penyediaan infrastruktur di samping membekalkan anggota faculti dan para saintis.

"Jika semuanya berjalan lancar, kita berharap memulakan program lepas-ijazah dengan mengambil lepasan universiti-universiti tempatan pada tahun hadapan," kata Effendi.

"Program lepas-ijazah diadakan supaya kegiatan penyelidikan dan pembangunan dapat dimulakan segera."

Katanya universiti itu, yang kini diberi nama "Malaysia University of Science and Technology" atau MUST, diharap akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan dan sains dan teknologi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau Asia.

Beliau berkata MIT dipilih sebagai rakan usahasama dalam projek itu kerana ia mempunyai rekod yang cemerlang dalam kegiatan R & D kejuruteraan yang telah menghasilkan ratusan usaha niaga.

"MIT mempunyai hubungan yang rapat dengan sektor industri dan projek yang kita rancangkan ini boleh menjadi satu model untuk dicontohi," kata Effendi.

Katanya projek MUST bukan merupakan satu projek komersil atau mencari keuntungan tetapi lebih merupakan satu projek nasional pihak swasta untuk membantu mengukuhkan kedudukan negara dalam bidang sains dan teknologi.

Ketibaan Dr Mahathir di MIT disambut Presidennya Dr Charles M. Vest yang kemudian memberi taklimat mengenai organisasi dan kegiatan institut itu.

Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali kemudian melawat makmal media untuk melihat kegiatan penyelidikan bagi menghasilkan peralatan untuk berfikir seperti mainan kanak-kanak yang menggunakan komputer.

-- BERNAMA

SJ NMO